

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN
KAWASAN : TANJONG MALIM

SOALAN:

YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang status menaikkan taraf Jalan Persekutuan 1, di antara Tanjong Malim dan Tapah kerana kawasan ini merupakan kawasan kemalangan berikutan pembangunan yang pesat di persekitarannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan 1 (FT01) Tanjung Malim - Tapah ialah merupakan antara projek yang dikenal pasti melalui Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Semenanjung Malaysia (HNDP) yang diterbitkan pada tahun 2008.

Berdasarkan kajian HNDP itu, Jalan Persekutuan (FT01) Tanjung Malim – Tapah sepanjang hampir 80km itu perlu dinaikkan taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala dengan reka bentuk piawaian JKR, R5. Cadangan projek ini telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Walau bagaimanapun - tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat - pelaksanaan projek ini berkemungkinan akan dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang tinggi.

Untuk tindakan jangka pendek pula, kementerian ini akan meneruskan program keselamatan di sepanjang Jalan Persekutuan (FT01) Tanjung Malim - Tapah, iaitu melibatkan skop menaik taraf kawasan kemalangan atau 'blackspots' di lokasi-lokasi tertentu yang telah dan akan dikenal pasti oleh JKR menerusi program audit keselamatan.

Sekian, terima kasih.